

17 JAN 2000

Abdullah-Agama

MAJLIS TERTINGGI MAHU BAHAGIAN PERTINGKATKAN KEGIATAN AGAMA

KUALA LUMPUR, 17 Jan (Bernama) -- Majlis Tertinggi UMNO (MT) yang bermesyuarat malam ini mengarahkan semua bahagian UMNO mengiatkan program-program berkaitan masjid dan surau di seluruh negara.

Naib presiden UMNO, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang turut menjalankan tugas Timbalan Presiden parti berkata, biro agama di peringkat bahagian diberi peranan menjalankan kegiatan ini.

"Biro agama pusat akan menyediakan program-program berkaitan dengan kegiatan masjid dan surau yang akan dijalankan oleh biro bahagian," katanya pada persidangan berita selepas mempengerusikan mesyuarat MT kedua tahun ini di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini malam ini.

Beliau mempengerusikan mesyuarat itu kerana Perdana Menteri dan Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sedang bercuti di luar negeri.

Abdullah berkata, biro-biro lain di peringkat bahagian berkaitan pendidikan, buruh, penerangan dan lain-lain juga diarahkan supaya mempertingkatkan kegiatan mereka.

Abdullah berkata, MT juga membuat keputusan untuk mengambil tindakan memberi penerangan tentang dasar-dasar kerajaan kepada pegawai-pegawai kerajaan.

"Ini kerana didapati ada pegawai kerajaan yang tidak memahami dasar-dasar yang dilaksanakan selama ini," kata beliau.

Selain itu, Abdullah berkata, MT bersetuju supaya badan-badan perhubungan UMNO negeri menjalankan kursus-kursus berkaitan pemulihan dan pengukuhan UMNO menggunakan tenaga jurulatih yang dilatih.

Katanya, ini adalah lanjutan daripada ceramah pertama oleh Dr Mahathir minggu lepas sebelum beliau berlepas ke luar negeri.

Pada perjumpaan dengan 100 pemimpin UMNO seluruh negara, Dr Mahathir berkata semua pemimpin dan anggota UMNO perlu kembali kepada perjuangan asal parti tanpa mementingkan diri dan mana-mana individu.

Abdullah juga mengumumkan MT meluluskan penubuhan 14 cawangan baru di seluruh negara.

-- BERNAMA

AR NAS FAZ